

KEPADA PENERUS JAWATANKUASA KARIAH / KHATIB / IMAM BERTUGAS
PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT 11 SEPTEMBER 2026
PERKARA: “TH PERAK OPEN DAY”

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sidang Jemaah sekalian.

Lembaga Tabung Haji Negeri Perak dengan kerjasama Masjid Sultan Idris Shah II, Takaful Malaysia dan Tabung Haji Travel & Services akan menganjurkan **TH Perak Open Day 2026** pada **hari Ahad, 13 September 2026**, bermula **jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang**, bertempat di **Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Negeri Perak, Ipoh**.

Pelbagai perkhidmatan akan disediakan, antaranya pembukaan akaun Tabung Haji secara percuma, pendaftaran **TH** Khairat serendah RM28, pendaftaran Direct Debit, perkhidmatan berkaitan Tabung Haji, tawaran Takaful Malaysia serta pakej umrah dan haji.

Para pengunjung juga berpeluang menyertai **cabutan bertuah** dengan hadiah utama berupa **Smart TV 55 inci**, diikuti **tablet berjenama** sebagai hadiah kedua dan **telefon pintar berjenama** sebagai hadiah ketiga. Turut disediakan pelbagai hadiah menarik seperti air fryer, periuk nasi elektrik, pengisar, vacuum cleaner, kipas berdiri, oven, cerek elektrik dan pelbagai lagi hadiah yang menarik.

Selain itu, **100 pendaftar terawal Direct Debit dengan simpanan minimum RM100 sebulan** akan menerima **tabung wang Tabung Haji secara percuma**.

Marilah kita hadir beramai-ramai bersama ahli keluarga dan rebut peluang memenangi hadiah-hadiah menarik yang disediakan.

Sekali lagi, temui kami di **TH Perak Open Day 2026**, pada **Ahad, 13 September 2026**, dari **jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang**, bertempat di **Masjid Sultan Idris Shah II, Masjid Negeri Perak, Ipoh**.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"MENELADANI KEPIMPINAN RASULULLAH MEMBINA MASYARAKAT MAJMUK YANG HARMONI"

11 September 2026 / 29 Rabiulawal 1448

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا³ اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan melaksanakan setiap perintah dan meninggalkan segala larangan Nya. Ketakwaan merupakan sebaik-baik bekalan dalam menghadapi kehidupan di dunia dan menjadi penyelamat di akhirat. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **"MENELADANI KEPIMPINAN RASULULLAH MEMBINA MASYARAKAT MAJMUK YANG HARMONI"**

Firman Allah SWT, dalam surah al-Mumtahanah ayat 8:

﴿لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِنْ دِيَارِكُمْ أَنْ تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ﴾¹

Maksudnya: "Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu) dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Sejarah Madinah selepas hijrah Rasulullah SAW bukan sekadar kisah kejayaan membina sebuah negara, malah merupakan contoh bagaimana sebuah masyarakat yang berbeza latar belakang, agama dan bangsa, berjaya disatukan berpaksikan nilai persaudaraan, keadilan, saling menghormati dan tanggungjawab bersama.

Ketika Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah, Baginda berhadapan dengan sebuah masyarakat yang sangat majmuk. Di sana terdapat kaum Aus dan Khazraj yang sering berperang, golongan Muhajirin dan Ansar, masyarakat Yahudi, serta pelbagai kelompok dan kabilah yang mempunyai latar belakang serta kepentingan yang berbeza.

Namun Rasulullah SAW tidak membiarkan perbezaan tersebut sebagai alasan untuk terus berselisih faham hingga bermusuhan. Baginda mengurus dengan kebijaksanaan melalui keadilan, perjanjian, tanggungjawab bersama dan penghormatan terhadap hak setiap kelompok.

Baginda mempersaudarakan Muhajirin dan Ansar serta membentuk kerangka kehidupan bersama melalui Piagam Madinah; perbezaan tidak dihapuskan, tetapi diurus dengan adil dan bijak, kepelbagaian tidak dijadikan punca perpecahan, sebaliknya dimanfaatkan untuk membina masyarakat yang aman dan tersusun.

Begitu indahnyanya masyarakat yang dibina Rasulullah SAW melalui persaudaraan, bersedia membantu antara satu sama lain. Nilai persaudaraan seperti inilah yang perlu diterjemahkan dalam kehidupan seharian pada hari ini. Buangkan segala sifat dengki, gugurkan rasa berdendam sesama manusia; hidup dalam semangat saling kasih - saling membantu. Sabda Nabi SAW :

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ، حَتَّى يُحِبَّ لِأَخِيهِ مَا يُحِبُّ لِنَفْسِهِ

Maksudnya: "Tidak sempurna iman seseorang itu sehingga dia kasih kepada saudaranya sebagaimana dia kasih kepada dirinya sendiri." (Riwayat al-Bukhari)



Jemaah yang dimuliakan

Daripada sirah Rasulullah SAW, terdapat empat pedoman penting yang perlu kita amalkan dalam usaha membina masyarakat majmuk yang harmoni.

Pertama: Menegakkan keadilan kepada semua.

Keadilan ialah asas kestabilan masyarakat. Keadilan tidak boleh diberikan hanya kepada orang yang kita sukai atau kepada kelompok kita. Keadilan mesti ditegakkan kepada semua. Apabila keadilan dipelihara, lahirlah keyakinan dan kepercayaan. Sebaliknya, apabila keadilan diabaikan, timbul rasa terpinggir, kebencian dan perpecahan. Justeru itu, jadilah Muslim yang adil dalam perkataan, keputusan dan tindakan.

Kedua: Menghormati perbezaan tanpa menggadaikan prinsip agama.

Islam mengajar kita supaya teguh dalam akidah; pada masa yang sama berakhlak mulia ketika menjalin hubungan dengan mereka yang berbeza agama. Keteguhan prinsip agama tidak menghalang kita daripada berbuat baik, berlaku adil dan menjaga hubungan sesama manusia. Islam menuntut kita tegas pada prinsip, tetapi santun dalam pergaulan.

Ketiga: Membina hubungan melalui akhlak yang mulia.

Kekuatan dakwah Rasulullah SAW terserlah melalui akhlak Baginda. Meski memiliki kuasa, tetapi Baginda memilih kelembutan. Baginda mempunyai kedudukan, tetapi tawaduk; Baginda boleh membalas keburukan, namun memilih kemaafan dan kebijaksanaan. Akhlak begini yang perlu kita hidupkan dalam keluarga, masyarakat dan negara.

Keempat: Mengutamakan persamaan yang menyatukan.

Kita mungkin berbeza bangsa, bahasa, budaya dan adat resam. Namun kita berkongsi tanah air, menikmati keamanan yang sama dan mempunyai tanggungjawab bersama untuk memelihara kestabilan negara. Perbezaan tidak seharusnya menjadi tembok pemisah; sebaliknya perbezaan perlu diurus melalui taaruf, dialog, sikap saling menghormati dan semangat bekerjasama dalam perkara kebaikan.

Jemaah Rahimakumullah

Kesimpulannya Rasulullah SAW tidak sekadar membina sebuah negara, tetapi membina manusia yang amanah, adil, penyayang, pemaaf dan menghormati orang lain. Baginda mengajar bahawa keamanan masyarakat bermula dengan keamanan hati, perpaduan bermula dengan akhlak, dan keharmonian bermula dengan kesediaan ummah untuk menghormati masyarakat di sekelilingnya. Negara kita mempunyai Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara. Apa sahaja perbezaan, dan sebarang perselisihan sesama rakyat hendaklah diselesaikan secara beradab dan berakhlak, berteraskan undang-undang, bersandarkan peraturan, dan berpaksikan semangat yang termaktub dalam Perlembagaan Negara.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا
وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Kurniai negara kami keamanan dan ketenteraman; rakyatnya hidup dalam semangat persaudaraan dan muhibah, saling memahami, saling menghormati dan saling bekerjasama untuk membangunkan negara Malaysia yang makmur lagi sejahtera. Lindungi negara kami daripada ancaman yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Malikul Mulk!, Kurniai kami pemimpin yang baik, serta dikelilingi oleh penasihat yang jujur, amanah dan berani mengingatkan apabila tersilap. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى
نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.